



BULETIN KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 55100 KUALA LUMPUR

[EDARAN DALAMAN SAHAJA]

BIL. 02/02

08 JULAI 2002

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

KANDUNGAN

- Taklimat pelajar tahun 1 dan Hari Keluarga tahun 3 Fakulti Pengajian Quran & Sunnah
- Kejohanan Pencak Silat MASUM di UKM
- Program Muhibbah JAKSA bersama Pengurusan Asrama
- Jamuan Pasukan Debat Piala Di Raja KUIM
- Program Senam Cergas kakitangan KUIM
- Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Membaca Julai 2002
- Mesyuarat
- Kakitangan Baru

TAKLIMAT PELAJAR TAHUN 1 DAN HARI KELUARGA PELAJAR TAHUN 3 FAKULTI PENGAJIAN QURAN & SUNNAH

22 Jun 2002 - Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS) telah mengadakan satu taklimat untuk pelajar tahun 1 di Dewan Kuliah 1, Menara B, MPAJ yang telah disampaikan oleh Dekan Fakulti tersebut Tuan Hj. Mohd Alwi Yusoff. Taklimat tersebut diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara kakitangan akademik, pentadbiran dan pelajar di tahun pertama dan juga untuk memberikan beberapa maklumat akademik yang perlu difahami oleh para pelajar berkenaan. Bertempat di Bilik Tazkirah, Tingkat 11, Menara A MPAJ pula, satu Majlis Taklimat/Hari Keluarga untuk pelajar tahun 3 telah diadakan. Objektif diadakan majlis tersebut adalah sebagai program FQPS untuk pelajar tahun kepujiannya, untuk menyampaikan maklumat-maklumat akademik dan juga untuk memberikan peluang pelajar-pelajar berinteraksi dan merapatkan hubungan diantara pelajar dengan kakitangan FPQS dengan lebih mesra.

KEJOHANAN PENCAK SILAT MASUM DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Satu Kejohanan Pencak Silat MASUM telah diadakan pada 21-23 Jun 2002 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah menghantar 10 orang pelajar menyertai kejohanan tersebut dan telah berjaya merangkul 3 pingat gangsa pada kejohanan tersebut.

PROGRAM MUHIBBAH JAKSA BERSAMA PENGURUSAN ASRAMA

23 Jun 2002 – Program Muhibbah JAKSA bersama Pengurusan Asrama anjuran Majlis Felo telah diadakan di Kuala Woh Perak pada hari tersebut. Pihak yang terlibat pada majlis tersebut adalah terdiri daripada pihak Pengurusan Asrama, JAKSA, Majlis Felo dan beberapa kakitangan KUIM.

JAMUAN PASUKAN DEBAT PIALA DI RAJA KUIM

27 Jun 2002 – Satu jamuan pasukan debat Piala Di Raja KUIM telah diadakan di Asrama Riviera III. Tujuan jamuan tersebut diadakan adalah bagi meraikan penyertaan pasukan debat KUIM menyertai pertandingan debat antara IPTA di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Majlis jamuan tersebut telah dihadiri oleh Y.Bhg. Dato' Rektor serta 25 orang peserta debat KUIM.

PROGRAM SENAM CERGAS KAKITANGAN KUIM

27 Jun 2002 – Program senam cergas kakitangan KUIM yang pertama telah dimulakan pada hari tersebut yang diadakan di tempat letak kereta tingkat 8, Menara A MPAJ. Program tersebut telah diketuai oleh En. Nur Ekmal Buhary, Pegawai Sukan dengan mendapat kerjasama daripada En. Azmi daripada Institut Sukan Negara, Majlis Sukan Negara (MSN). Tujuan program tersebut diadakan adalah bagi melahirkan satu organisasi dan warga yang cergas dan cerdas disamping itu juga dapat merapatkan lagi hubungan sesama kakitangan dengan lebih mesra lagi. Program tersebut telah disertai oleh pengurusan tertinggi, pegawai-pegawai serta kakitangan KUIM dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN MEMBACA JULAI 2002

1 Julai 2002 - Satu Majlis Pelancaran Sambutan Bulan membaca Julai 2002 telah diadakan di Bilik Belajar 24 jam (LOT 16) Perpustakaan KUIM, Menara A, MPAJ bermula pukul 10.20 pagi. Tujuan Sambutan Bulan Membaca Julai 2002 KUIM diadakan adalah bagi menyertai Sambutan Bulan Membaca yang diraikan di peringkat kebangsaan pada bulan Julai setiap tahun manakala objektifnya pula bagi menyemarakkan minat membaca di kalangan warga KUIM, mempromosikan aktiviti membaca sebagai satu aktiviti yang menarik dan menyeronokkan dan juga menyedarkan warga KUIM khususnya pelajar bahawa membaca adalah syarat penting dalam menuntut ilmu. Perpustakaan KUIM buat pertama kalinya berpeluang untuk mengadakan Sambutan Bulan Membaca di peringkat universiti. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM dengan dihadiri oleh pengurusan tertinggi, pegawai-pegawai, dekan-dekan dan pensyarah-pensyarah. Bersempena sambutan tersebut, beberapa aktiviti telah dirancang bagi memeriahkan lagi sambutan tersebut seperti pertandingan tulisan khat, ulasan buku, teka silang kata dan *scrabble*.



Y.Bhg. Dato' Rektor sedang berucap pada Majlis Sambutan Bulan Membaca



Y.Bhg. Dato' Rektor melawat pameran di Perpustakaan KUIM

MESYUARAT

- **1 Julai 2002** - Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan 4/2002 (Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 15)

KAKITANGAN BARU

1. Hishamudin Ahmad – Gurubahasa
2. Iehsan Mousa Hasien – Pensyarah
3. Djohan Shahrin Sabli – Ahli Fotografi
4. Mohd Suhaimi Mohd Nor – Pengawal Keselamatan